

Menjemput Rezeki

Menambah KEKAYAAN di dunia & di akhirat

Apabila memperkatakan tentang persoalan rezeki, mungkin ada yang sudah membayangkan kehadiran rezeki di dalam bentuk wang ringgit. Tidak dinafikan wang memainkan peranan yang penting sebagai sumber untuk menjana kehidupan yang lebih baik terutamanya di ibu kota.



Lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi sekarang yang kian menghipit. Suami isteri harus bekerja kuat demi menyara keluarga dengan beban kos yang makin meningkat hari demi hari. Malah ada yang terpaksa bekerja lebih daripada satu pekerjaan bagi menambah pendapatan sehingga ada yang terpaksa mengabaikan keluarga

dan rumah tangga demi mengejar harta dunia! Atas desakan hidup hari ini juga, ramai yang cuba membenarkan diri mengambil risiko menjalankan perniagaan sendiri termasuklah yang mengusahakannya dari rumah. Ada yang mampu mengharunginya dengan tabah dan jaya, malah tidak kurang juga yang terkandas di tengah

jalan dengan menanggung kerugian yang bukan sedikit malah mampu menggugat kehidupan. Jadi, sesuai dengan masa kita melangkah ke tahun 2016 ini, marilah kita sama-sama hayati dan fahami apakah konsep 'rezeki' itu sebenarnya. Bagaimana mencari rezeki yang barakah untuk menyara keluarga kerana ada sesetengah orang yang

"Makanlah daripada makanan yang baik-baik yang telah Kami berikan kepadamu..."

merasakan rezeki yang diperoleh tidak pernah cukup! Di mana silapnya? Kurangkah usaha kita selama ini?

Definisi Luas

Konsep rezeki sebenarnya mempunyai definisi yang luas, bukan sekadar menyentuh mengenai kelebihan dari segi pendapatan semata-mata. Allah s.w.t menurunkan punca rezeki kepada hambanya di dalam pelbagai bentuk dan rupa. Ada di antaranya memperoleh rezeki dalam bentuk harta, wang ringgit, pelajaran, rupa paras mahupun kelebihan rezeki dari segi bilangan anak dan sebagainya. Konsep mudahnya mencari rezeki yang diutarakan di dalam ruangan isu kali ini berkongsi inspirasi dan aspirasi individu-individu yang berjaya memperoleh rezeki dalam pelbagai segi di mana konsep asasnya tidak lari daripada matlamat rasa syukur ke hadirat-Nya yang memberikan pelbagai nikmat kepada hambanya.

Mengikut pandangan Sheikh Mutawalli Sya'rawi, rezeki ialah didefinisikan sebagai apa-apa yang kita dapat rasakan manfaatnya, sama ada halal ataupun haram, sama ada baik ataupun buruk. Dalam erti kata lain, rezeki membawa maksud segala apa yang bermanfaat baik dalam bentuk material seperti wang, rumah, kereta dan sebagainya. Dalam bentuk bukan material pula, ia melibatkan perkara-perkara seperti kesihatan, kecerdikan, ketenangan dan seumpama dengannya.

Rezeki sememangnya mempunyai definisi yang luas dan maksud yang tersendiri. Tetapi terdapat juga rezeki yang tidak baik ataupun haram, walaupun ianya memberi manfaat kepada kehidupan seseorang tetapi ianya boleh mendatangkan dosa. Sebagai contoh, jika seseorang membeli kereta dengan hasil duit yang dicuri, memang kereta itu sangat bermanfaat tetapi ianya adalah suatu dosa yang besar dan haram.

Allah berfirman dalam surah Al Baqarah ayat 57: "Makanlah daripada makanan yang baik-baik yang telah Kami berikan kepadamu..." Allah menyuruh setiap manusia mencari

rezeki yang halal lagi baik kerana ia menghasilkan pahala. Manakala, tugas syaitan pula bertujuan untuk menghasut manusia supaya mencari rezeki yang tidak baik ataupun haram.

Tidak ada jalan singkat untuk menjadi insan yang berjaya selain berusaha dan bertawakal kepadanya untuk mendorong anda berjaya di dalam setiap apa yang diceburi.

Bagi Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Richworks International Sdn Bhd, Dr. Azizan Osman, beliau mempunyai caranya yang tersendiri untuk menjemput rezeki dalam hidupnya. Sebagai peneraju sebuah syarikat yang diiktiraf oleh The Malaysia Book of Records pada tahun 2012, sebagai syarikat yang terbesar di Malaysia dalam menganjurkan pelbagai seminar dan program dalam bidang pembangunan usahawan, pemasaran

Di dalam ajaran Islam turut dijelaskan tentang beberapa amalan-amalan yang boleh dilakukan sebagai usaha membuka pintu rezeki seseorang individu. Antara amalan yang boleh dipraktikkan termasuklah:

1. Mencari rezeki dari yang halal.

Carilah rezeki yang halal dalam hidup, kerana dengan kekayaan yang halal akan member ketenteraman minda. Sebaliknya, jika kita tidak mendapatkannya dengan sesuatu yang halal, maka biasanya akan membuat hidup kita di masa yang akan datang menjadi penuh masalah.

2. Menyambung tali silaturahmi.

Amalkan sikap junjung-mengunjung antara sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai sekiranya anda mempunyai kelapangan. Tahukah anda, tali silaturahmi sebenarnya akan melancarkan pintu rezeki bagi setiap umat yang menjalaninya?.

3. Bekerja dengan hati yang qana'ah

Hal tersebut menunjukkan bahawa sesuatu yang berlebihan itu sememangnya tidak baik. Jadi, carilah

dan motivasi, beliau mempunyai cara dan tip tersendiri untuk kekal berjaya seperti hari ini.

Selain itu, kekurangan yang ada pada diri Azmi Zain tidak dijadikan sebagai batu penghalang untuk berjaya. Bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) seperti ini atau yang penting seseorang itu harus tahu merebut peluang tersebut dan jangan hanya menanti tanpa sebarang fikiran.

Tambah Pengarah Urusan IBS Excel Training & Consultancy, Pakar Motivasi, Ustazah Noor Laila Aniza Zakaria pula rezeki bukan sekadar diukur dengan wang ringgit tetapi rezeki boleh datang dalam pelbagai bentuk. Kesihatan yang baik dan beriman dengan 'La ilaha illallah, Muhammad da rasulullah' adalah nikmat rezeki yang terbesar dari Allah. Sedikit atau banyaknya rezeki diperoleh bukanlah ukuran tetapi apa yang penting adalah keberkatan rezeki itu. Malah, dengan rezeki itu kita dapat berbuat taat kepada Allah, bahkan rezeki itu datang daripada sumber haqi melalui jalan yang halal.

rezeki dengan bekerja dan hati yang tulus dan ikhlas.

4. Bertaubat dari segala perbuatan

Dosa Saat mendekatkan diri dan selalu berkhairat kepadanya. Jauhkanlah diri dari perbuatan yang dilaknat oleh Allah SWT. Jika kita bertaubat, Insya Allah pintu rezeki pun juga dapat terbuka lebar.

5. Segera tunaikan zakat dan sedekah

"Barangsiapa membawa amal yang baik maka baginya [pahala] sepuluh kali lipat amalnya." (QS Al An'aam : 160). Hal ini jelas menunjukkan bahwa sedekah sangat bernilai harganya. Sedekah kepada orang bernilai 10, kepada orang yang kita kenal bernilai 100, kepada sanak saudara bernilai 1000. Tunaikan zakat. Semakin kita banyak memberi, Insya Allah kita juga akan semakin banyak menerima rezeki dari Allah SWT

6. Menyukuri segala nikmat

Kita hendaknya senantiasa bersyukur nikmat dan rezeki yang telah diberikan Allah SWT kepada umatnya. k

Psychology - General

pg: 104 - 105

CTR No 000274595

PSY 2016/102